

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan jumlah "*commissions, fees and charges*" yang tercatat dalam prospektus bon bernilai US\$3 bilion, US\$1.75 bilion dan US\$1.75 bilion untuk 1MDB Global Investment, 1MDB Energy dan 1MDB Energy (Langat) Limited. Apakah pecahan kepada Goldman Sachs dan diskaun bon kepada pelabur.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung hasil (*yield*, dengan izin) yang diperoleh oleh Goldman Sachs daripada harga terbitan bon (*issue price*), fi dan kupon yang dikenakan adalah berpatutan dengan saiz terbitan, tempoh, ketidakcairan (*illiquidity*) dan risiko kredit (*credit risk*), oleh kerana bon-bon ini diterbitkan pada kadar diskaun yang biasa bagi kebanyakan tawaran bon. Sebarang perbezaan di antara nilai par (nilai terbitan) dan hasil bersih bon terdiri daripada bukan saja fi dan perbelanjaan lain tetapi juga hasil efektifnya, yang mengambil kira diskaun dan baki tempoh pegangan bon.